

**NO SOALAN :56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA           : Y.B. TUAN FONG KUI LUN  
(BUKIT BINTANG)**

**PERTANYAAN       : LISAN**

**TARIKH           : 10.03.2015**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berikut kejatuhan harga minyak dunia telah memberi kesan buruk ke atas nilai matawang dan ekonomi Malaysia, apakah persiapan Kerajaan untuk membendung kesan buruk ke atas negara jika kejatuhan nilai ringgit berpanjangan selain menyemak semula Bajet 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan YB Parit Sulong, YB Batu Sapi dan YB Bukit Bintang pada hari ini bersama-sama dengan 7 lagi soalan kerana kesemua soalan tersebut menyentuh perkara dan isu yang sama iaitu mengenai prestasi, punca dan kesan kejatuhan nilai ringgit serta langkah-langkah Kerajaan dalam menangani isu tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang telah membangkitkan soalan tersebut adalah YB Kinabatangan pada 11 Mac, YB Kubang Pasu dan YB Tanjong Malim pada 12 Mac, YB Jelebu pada 16 Mac, YB Sibu pada 17 Mac, YB Taiping pada 24 Mac dan YB Jasin pada 26 Mac.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 1.1% sehingga 10.1% berbanding dolar AS sejak bulan September 2014 hingga 5 Mac 2015. Pengukuhan dolar AS adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut

mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Seperti sistem kadar pertukaran yang lain, apabila nilai ringgit menyusut, sebahagian sektor ekonomi akan menerima manfaat manakala terdapat juga sebahagian sektor ekonomi yang akan terjejas. Pengeksport akan menerima manfaat dari segi hasil eksport yang lebih tinggi dalam nilai ringgit atau peningkatan dalam permintaan bagi barang buatan Malaysia. Secara khususnya, penyusutan nilai ringgit akan memberi manfaat kepada eksport perkilangan Malaysia yang menyumbang sebanyak dua pertiga daripada jumlah eksport kasar.

4. Namun begitu, penyusutan nilai ringgit akan menyebabkan kenaikan kos import. Ini akan meyebabkan kesan langsung terhadap Indeks Harga Pengguna (IHP) yang mengukur inflasi kerana harga barang yang diimport secara terus dari luar negara akan menjadi lebih mahal. Walau bagaimanapun, kesan terhadap kadar inflasi adalah kecil, memandangkan barang import tidak termasuk petrol dan diesel mencakupi 7% daripada

bakul IHP. Penyusutan nilai ringgit juga akan menyebabkan peningkatan kos pengeluaran berikutan kenaikan harga bahan mentah yang diimport. Walau bagaimanapun, kesan ini akan diserap oleh harga bahan mentah yang lebih rendah susulan kejatuhan harga minyak global dan harga komoditi. Harga minyak mentah global telah turun sebanyak 41% sementara harga makanan dunia telah turun sebanyak 8% sejak September 2014. Oleh yang demikian, kesan terhadap kos bagi pengeluar adalah terkawal. Ini ditunjukkan oleh Indeks Harga Pengeluar, dengan izin *Producer Price Index*, telah menurun sebanyak 3.5% antara bulan September 2014 dan bulan Januari 2015.

5. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, kejatuhan harga minyak mentah global pada tahun 2014 tidak memberi kesan ketara kepada jumlah pendapatan sebenar Kerajaan Persekutuan berbanding anggaran asal. Secara keseluruhan, purata harga minyak mentah dunia masih tinggi, iaitu kira-kira dolar AS 99 setong bagi jenis Brent berbanding anggaran asal sebanyak dolar AS 105 setong. Bagi tahun 2014, Kerajaan Persekutuan memperoleh sebanyak RM66.1 bilion daripada sumber berasaskan petroleum, iaitu 30% daripada hasil keseluruhan Kerajaan

Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Ekonomi negara masih berada pada tahap yang kukuh dengan mencatat pertumbuhan yang mapan sebanyak 6% pada tahun 2014 berbanding 4.7% pada tahun 2013. Pertumbuhan ekonomi yang baik ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif yang diambil untuk mempelbagaikan ekonomi negara serta meningkatkan daya tahan dan daya saing negara. Pertumbuhan ekonomi ini dipacu oleh permintaan domestik dan asas-asas ekonomi kekal kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, sistem kewangan yang teguh dan rizab antarabangsa yang tinggi. Tahap rizab antarabangsa kini jauh lebih tinggi, iaitu sebanyak dolar AS 110.5 bilion (RM386 bilion) pada 27 Februari 2015 berbanding dolar AS 15.7 bilion (RM59.1 billion) pada tahun 1997 semasa krisis kewangan Asia.

7. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran yang fleksibel, turun naik jangka masa pendek adalah sesuatu yang mungkin berlaku,

terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu. Objektif dasar Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia adalah untuk memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit dan mengelakkan turun naik yang ketara dalam kadar pertukaran. Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi. Dalam jangka masa panjang, trend ringgit akan mencerminkan asas-asas ekonomi Malaysia. Usaha-usaha yang dilaksanakan untuk membangunkan dan memperdalamkan pasaran pertukaran asing dalam negeri dari segi saiz dan instrumen juga telah membolehkan peniaga tempatan untuk berlindung daripada terdedah kepada ketidakstabilan kadar pertukaran melalui perlindungan nilai.